

Operasi kedai seperti biasa, jalan lenggang

KUALA LUMPUR - Suasana di sekitar Lembah Klang kekal seperti hari biasa walaupun Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor bermula semalam.

Pelaksanaan PKPB tidak menjadikan suasana di ibu negara lenggang seperti semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini kerana peraturannya lebih longgar tetapi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Tinjauan *Kosmo!* semalam mendapati kebanyakan premis perniagaan dibuka seperti biasa, tetapi keadaan di jalan raya tidak sesak dengan kenderaan seperti kebiasaannya kecuali di laluan yang mempunyai sekatan jalan raya.

Seorang peniaga, Rosiah Husain, 45, berkata, keadaan di sekitar Masjid India sudah mula lenggang sejak lewat petang kelmarin.

"Hari ini (semalam) saya tetap buka kedai seperti biasa iaitu pada pukul 10 pagi. Pelanggan memang sangat sedikit dan setakat pukul 11 pagi saya masih belum menjual apa-apa. Sejak petang semalam memang kawasan ini sudah mula lenggang dan pelanggan juga berkurangan," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, tinjauan di **Putrajaya** mendapati, suasananya tidak jauh berbeza berbanding hari sebelumnya, namun pergerakan kenderaan tidak



PEMANDANGAN udara di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur yang lenggang susulan PKPB yang bermula semalam. - MUHAMAD IQBAL ROSLI

sesibuk seperti sebelumnya.

Kebanyakan ibu pejabat kementerian yang terletak di sepanjang laluan Persiaran Perdana, Presint 4, di sini masih beroperasi seperti biasa termasuk jabatan dan agensi kerajaan.

Terdapat empat lokasi sekatan jalan raya iaitu di Lebuhraya Sentosa menghala keluar ke Lebuhraya Raya Maju (Mex Expressway), Persiaran Selatan menghala keluar ke Dengkil, Persiaran Utara Pintu Dua A menghala ke Kajang dan Persiaran Utara Pintu Tiga menghala ke Puchong.

Dalam tinjauan di **Shah Alam, Selangor** mendapati, premis perniagaan dan pejabat kerajaan beroperasi seperti biasa dengan mematuhi SOP yang ditetapkan.

Sebuah restoran di Seksyen 7 mengambil inisiatif meletakkan penanda di setiap meja makan dengan pamflet mengenai pemakluman SOP tersebut.

Seorang pengunjung restoran, A. Dines, 24, berkata, ia bukan satu perkara asing kerana telah menjalani SOP tersebut sejak Mac lalu ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.